

## Pengurusan dan Pembangunan Tanah Terbiar: Kajian Kes di Setiu, Terengganu

### *Management and Development of Abandoned Land: A Case Study in Setiu, Terengganu*

Nur Nabila Mohd Sharif<sup>1</sup>, Indera Syahrul Mat Radzuan<sup>1,2\*</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

<sup>2</sup> Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [syahrul@uthm.edu.my](mailto:syahrul@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2024.05.02.074>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 30 September 2024

Diterima: 1 November 2024

Diterbitkan: 1 Disember 2024

#### Kata Kunci

Tanah pertanian, pembangunan tanah terbiar, punca tanah terbiar, cabaran

#### Abstrak

Selain penguatkuasaan undang-undang dan pengambilan balik tanah, satu penyelesaian kepada masalah tanah terbiar ialah pembangunannya. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan pembangunan tanah terbiar yang tidak cekap. Kajian ini mempunyai dua matlamat: (i) untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pembangunan tanah terbiar yang dapat meningkatkan hasil dan pendapatan negara, dan (ii) untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam membangunkan tanah terbiar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana temu bual, rujukan internet, dan sumber bercetak dijadikan sebagai asas kajian. Bagi mencapai matlamat kajian, temu bual melibatkan tiga orang responden daripada Pejabat Pertanian Negeri Terengganu dan *Terengganu Agrotech Development Corp Sdn. Bhd* yang bertanggungjawab membangunkan tanah pertanian terbiar di Setiu, Terengganu. Hasil kajian mendapati tanah terbiar di Daerah Setiu telah dibangunkan dengan menanam dua jenis tanaman iaitu mangga dan durian. Hal ini dapat meningkatkan penghasilan makanan dan sektor ekonomi di negeri Terengganu. Pihak agensi pelaksana juga menghadapi beberapa cabaran dalam membangunkan kawasan tanah terbiar ini.

#### Keywords

Agricultural land, abandoned land development, causes of idle land, challenges

#### Abstract

The development of agriculture land is one of the solutions to the abandoned land issue, apart from law enforcement and land acquisition. The purpose of this study is to evaluate the effectiveness of abandoned land or idle land development. There are two objectives of this study which are: (i) to identify factors influencing the development of idle land that can enhance the country's yields and income, and (ii) to examine the challenges faced by implementing agencies when attempting to develop idle land. The methodology of this research uses a qualitative approach by using interviews, internet searches, and other printed as the basis of the

*study. In order to achieve the research goal, the interview involved three respondents from Terengganu Agricultural Office and Terengganu Agrotech Development Corp Sdn. Bhd who had been responsible to develop the idle land into agricultural at Setiu, Terengganu. The research reveal that the abandoned land in Setiu District has been developed by cultivating two types of crops, namely mango and durian. This will contribute to the increased of food production and economic growth in the state of Terengganu. The implementing agency has also encountered several challenges in developing the idle land areas.*

## 1. Pengenalan

Tanah telah menjadi unsur penting dalam kehidupan manusia sepanjang sejarah, berfungsi sebagai tempat tinggal dan sumber penghasilan makanan dan hasil ternakan. Keterlibatan tanah dalam kegiatan pertanian dan peternakan tidak hanya memenuhi keperluan harian, tetapi juga membuka peluang untuk aktiviti perniagaan dan perdagangan dalam masyarakat. Di Malaysia, tanah telah menjadi faktor ekonomi utama sejak zaman dahulu, dan kepentingannya tidak berkurang sehingga kini. Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), telah mengambil langkah proaktif untuk mengenalpasti dan menguruskan tanah terbiar yang memiliki potensi untuk pembangunan. Ini merangkumi pengenalan dan pelaksanaan dasar-dasar serta kaedah pengurusan tanah terbiar, sebagaimana dijelaskan oleh Zarina (2016). Tindakan ini mencerminkan kesedaran terhadap nilai ekonomi yang dapat dihasilkan melalui pembangunan tanah yang tidak dimanfaatkan, dan juga menunjukkan usaha kerajaan untuk memaksimumkan potensi sumber daya tanah demi kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan

### 1.1 Latar Belakang

Tanah terbiar merujuk kepada tanah darat atau sawah yang luasnya sekurang-kurangnya 0.4 hektar, baik bersambungan atau bertaburan, yang dimiliki tetapi tidak diusahakan atau dibangunkan oleh pemilik selama tiga tahun berturut-turut. Untuk mengatasi isu ini, terdapat pelbagai polisi, dasar, dan pelan yang dilaksanakan di peringkat negeri dan nasional. Tujuannya adalah untuk memajukan sektor pertanian, khususnya di kawasan pertanian, dengan melaksanakan pengurusan dan pembangunan tanah secara efektif. Selain itu, inisiatif ini bertujuan menggalakkan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, mengelakkan kesan negatif daripada proses urbanisasi yang pesat (Wan Ibrisaam Fikry, 2019). Pembangunan ke atas tanah pertanian ini dapat menjadikan sektor pertanian sebagai sektor perniagaan dimana dapat memberi sokongan terhadap bahan mentah kepada industri.

### 1.2 Penyataan Masalah

Isu tanah pertanian terbiar bukanlah perkara baru di Malaysia. Sebelum krisis bekalan harga makanan pada tahun 2008, pada tahun 1980, Menteri Pertanian ketika itu telah mengarahkan pembentukan Pasukan Petugas Tanah-tanah Terbiar (PPTT). Pasukan ini bertujuan mengidentifikasi kawasan tanah pertanian terbiar di seluruh negara dan merangka pelan tindakan untuk membangunkan semula tanah-tanah tersebut (Farhana, 2005). Persoalannya kenapa tanah pertanian terbiar ini berlaku sedangkan terdapat peruntukan undang undang dalam Kanun Tanah Negara yang jelas menyatakan bahawa membiarkan tanah tidak dikerjakan atau dibangunkan juga adalah satu kesalahan (tidak mematuhi) syarat syarat tersirat seperti yang disebutkan di bawah seksyen 115, 116, dan 117. Kajian-kajian yang terdahulu banyak mengkaji mengenai punca dan langkah mengatasi tanah terbiar tetapi tidak banyak kajian yang dijalankan terhadap keberkesanan pengurusan dan pembangunan tanah terbiar yang memberi impak kepada negara.

### 1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan. Antara persoalannya ialah:

- (i) Apakah faktor yang mempengaruhi pembangunan tanah terbiar dalam meningkatkan hasil dan pendapatan negara?
- (ii) Apakah cadangan yang dihadapi agensi pelaksana dalam membangunkan tanah pertanian terbiar?

### 1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang dikaji adalah:

- (i) Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pembangunan tanah terbiar dalam meningkatkan hasil dan pendapatan negara.
- (ii) Mengenalpasti cadangan yang dihadapi agensi pelaksana dalam membangunkan tanah pertanian terbiar.

## 1.5 Skop Kajian

Skop kajian akan tertumpu di kawasan daerah Setiu, Terengganu. Kajian ini akan melibatkan agensi pelaksana iaitu Jabatan Pertanian dan Terengganu Agrotech Development Corp (TADC).

## 1.6 Kepentingan Kajian

Tujuan Kajian ini akan dapat menjelaskan tentang faktor mempengaruhi pembangunan tanah terbiar dalam meningkatkan hasil dan pendapatan negara serta cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam membangunkan tanah terbiar agar program pembangunan tanah pertanian terbiar dapat dilaksanakan secara menyeluruh di Kawasan kajian. Selain itu, kajian ini dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada semua pihak secara langsung:

- i) Kerajaan Negeri Terengganu
- ii) Pentadbiran Daerah dan Agensi Pelaksana
- iii) Pemilik Tanah, Peserta dan Masyarakat

## 2. Kajian Literatur

Bab ini membincangkan lebih mendalam terhadap pembangunan tanah terbiar. Beberapa aspek akan diketengahkan iaitu dari segi definisi, pembangunan tanah terbiar, faktor kewujudan tanah terbiar, kaedah pelaksanaan tanah terbiar, pihak yang terlibat dalam pembangunan tanah terbiar dan cabaran dalam pembangunan tanah terbiar.

### 2.1 Definisi Tanah Terbiar

Tanah terbiar ialah tanah darat atau tanah sawah yang berkeluasan minima 0.4 hektar ke atas sama ada bersambungan atau bertaburan yang merupakan tanah milik yang tidak diusahakan atau dibangunkan oleh sesetengah pihak dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

### 2.2 Definisi Pembangunan

Menurut Greece (2013), menyatakan bahawa pembangunan adalah usaha untuk memenuhi keperluan asas semua individu dan menjadi peluang untuk memenuhi aspirasi manusia terhadap kehidupan yang lebih baik. Konsep pembangunan juga merupakan proses peningkatan secara evolusi dan terancang untuk mencapai matlamat tertentu.

### 2.3 Faktor Kewujudan Tanah Terbiar

#### 2.3.1 Faktor Fizikal

- (i) Kemasaman tanah: tahap kemasaman yang tinggi menyukarkan aktiviti penanaman sayur-sayuran.
- (ii) Tanah susur: susur secara semulajadi akibat daripada hujan lebat sepanjang tahun menyebabkan permukaan tanah yang subur terhakis. Manakala, susur kerana perbuatan manusia yang merosakkan permukaan tanah dengan kegiatan selain pertanian seperti pamparitan
- (iii) Banjir: Tanah hilang kesuburannya dan menyebabkan kemusnahan tanaman.
- (iv) Binatang perosak: Binatang perosak seperti monyet dan babi hutan sering mengganggu tanaman.

#### 2.3.2. Faktor Ekonomi dan Sosial

(i) Kekurangan Tenaga Kerja  
Penghijrahan belia-belia ke bandar telah menyebabkan kekurangan tenaga kerja yang diperlukan untuk mengusaha kawasan pertanian.

- (ii) Kemunduran Teknologi Pertanian

Kekurangan trektor – trektor kejenteraan pertanian yang diperlukan disebabkan harga perkhidmatan atau harga unit – unit jentera tersebut adalah sangat tinggi.

(iii) Perkhidmatan Perkembangan Pemasaran dan Kemudahan Pemasaran

Petani yang mempunyai minat untuk meneruskan usaha dalam sektor pertanian menjadi pudar apabila mereka menghadapi masalah untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Oleh yang demikian, petani terpaksa menjual hasil pengeluaran ladang pada harga yang rendah.

(iv) Keluasan Tanah Ladang atau Kebun Yang Kecil

Hal ini kerana pada keluaran yang kecil imbalan balik yang diterima adalah kecil untuk memenuhi keperluan hidupnya. Sehubungan dengan itu juga, petani tidak dapat menikmati 'economic of scale' dari segi perbelanjaan atau penerimaan untuk mengerjakan ladangnya.

(v) Keupayaan Umur dan Kewangan

Punca tanah tidak diusahakan adalah kerana pemilik tanah jelas menunjukkan bahawa batasan usia dan kekangan modal yang menjadi halangan.

### 2.3.3. Faktor Persaingan dari Ekonomi Bukan Pertanian

Perkembangan pesat dalam sektor industri telah mendorong tenaga muda berhijrah ke luar bandar dan meninggalkan sektor pertanian. Hal ini kerana sektor industri menawarkan pendapatan yang tetap dan suasana pekerjaan yang lebih selesa jika dibandingkan dengan kerja mengusahakan pertanian di kampung dimana penuh dengan risiko dan tidak dapat tempat yang istimewa dari pandangan masyarakat.

### 2.3.4. Faktor Lain

- (i) Jarak tapak pertanian: arak antara tempat tinggal para petani dan tapak pertanian menjadi cabaran utama, menyebabkan kesulitan dalam pengurusan dan pemantauan hasil tanaman.
- (ii) Penyalahgunaan tapak pertanian: Penyalahgunaan tapak pertanian oleh sesetengah petani dengan mendirikan bangunan mengakibatkan pengurangan keluasan kawasan pertanian.
- (iii) Proses pemasaran: Kurang pengetahuan dalam aspek seperti pembungkusan, pengekalan, dan penyimpanan menyulitkan proses pemasaran hasil pertanian.
- (iv) Agihan infrastruktur: Keterbatasan infrastruktur di tapak pertanian, termasuk kurangnya kemudahan, menyulitkan petani dalam menyediakan peralatan dan keperluan yang diperlukan untuk aktiviti pertanian.

## 2.4 Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Tanah Terbiar

### 2.4.1. Menyediakan Infrastruktur dan Kemudahan Kelengkapan untuk Memperhebatkan Lagi Perkhidmatan Agensi Kementerian Pertanian

Dengan adanya penyediaan infrastruktur dan kemudahan kelengkapan akan dapat menjayakan dan memperhebatkan lagi perkhidmatan yang akan diberi untuk proses pembangunan tanah terbiar. Kemudahan-kemudahan seperti sub store, pusat pengumpulan, pusat pemprosesan, kenderaan perlu disediakan agar segala aktiviti pemprosesan hasil pertanian dapat diselaraskan. Hal ini kerana kemudahan-kemudahan seperti ini amatlah diperlukan bagi menggerakkan projek projek pembangunan.

### 2.4.2. Pengkajian dan Pengawalan Penawaran dan Permintaan dari Jenis Komoditi yang Dihasilkan

Unjuran dibuat untuk tujuan supaya pengstabilan harga pasaran dan naik harga pasaran dapat dikawal dalam usaha untuk mengurangkan risiko pengeluaran. Dalam unjuran ini, kerajaan perlulah mengambil inisiatif untuk mengadakan sekatan import pada komoditi yang terlibat.

### 2.4.3. Bantuan Subsidi dan Pembekalan Kredit

Subsidi harga pengeluaran perlu juga diadakan bagi menentukan usaha mereka dari segi masa Panjang. Ia merupakan sebahagian daripada perbelanjaan kerajaan untuk meningkatkan unsur permintaan menyeluruh (total demand) dalam penghasilan, penggunaan, dan pelaburan bagi menjamin kemaslahatan masyarakat awam

#### 2.4.4. Mengadakan Hubungan Langsung dengan Sektor Swasta

Pihak kerajaan perlu menjalinkan hubungan langsung dengan sektor swasta yang mempunyai sumber kewangan yang stabil. Mereka juga perlu menggalakkan sektor swasta untuk mengembangkan pelbagai kilang makanan dan menubuhkan syarikat kemajuan pertanian seperti syarikat pengusaha tanah dan syarikat pembungkusan. Melalui langkah ini, hasil ladang dapat disalurkan secara langsung ke kilang untuk proses pemprosesan dan pemasaran, memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak.

### 2.5 Pihak yang Terlibat dalam Pembangunan Tanah Terbiar

#### 2.5.1. Jabatan Pertanian

- (i) Menggalakkan pengamalan teknologi berasaskan Amalan Pertanian Baik (APB) untuk meningkatkan pengeluaran hasil yang berkualiti, selamat dimakan dan mesra alam seterusnya ke arah Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Persijilan Organik Malaysia (myOrganic).
- (ii) Meningkatkan pendapatan golongan sasaran dengan sasaran pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan/peserta untuk projek perladangan berkelompok dan RM4,000 sebulan/usahawan.
- (iii) Meningkatkan pengeluaran pertanian bagi memenuhi keperluan domestik serta meningkatkan eksport.

#### 2.5.2. Lembaga Pertubuhan Peladang

- (i) Membekal bahan input seperti baja, racun, benih dan bahan tanaman.
- (ii) Membuka ladang berkelompok secara terbuka.
- (iii) Menubuh koperasi dan menggerakkan ahli dari segi penglibatan dalam pemuliharaan tanah terbiar.

#### 2.5.3. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

- (i) Fama akan membeli hasil - hasil dibawah projek tanah terbiar dengan harga yang berpatutan sehingga kerajaan menentukan dasar harga minima terjamin di bawah gerak tani.
- (ii) Fama akan menyelaras dengan peladang dalam membeli hasil - hasil pertanian dimana hasil itu banyak dan untuk mengelakkan kendalian berganda dan untuk mempercepatkan penghantaran hasil - hasil ke pasaran.

#### 2.5.4. Pihak Lain

Pihak lain yang terlibat dalam membangunkan tanah terbiar adalah orang yang turut terlibat dalam program - program yang berkaitan dengan projek tanaman iaitu pemilik, pekerja dan pihak lain. Hal ini dapat melancarkan lagi aktiviti - aktiviti yang dirancang.

#### 2.5.5. Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC)

Kegiatan utama TADC adalah mengurus dan melaksanakan program kerajaan Negeri yang berasaskan pertanian, perikanan, penternakan serta pemasaran di Negeri Terengganu selaras dengan matlamat asal penubuhan TADC.

### 2.6 Cabaran Pembangunan Tanah Terbiar

#### a) Kos Pembangunan Tanah

Beberapa jenis tanaman akan dicadang kepada peserta setelah melihat kesesuaian tanah untuk mereka pilih mengikut kecenderungan tanaman yang ingin diusahakan serta keupayaan mereka. Walaupun diberikan insentif namun ada peserta yang gagal meneruskan projek tanaman yang diusahakan. Hal ini kerana kekurangan modal pusingan terutama pada peringkat awal penanaman.

#### b) Kerjasama Pemilik Tanah dengan Pemaju atau Pengusaha

Masalah sikap pemilik tanah dan kesedaran pemilik yang tidak melihat kepada kepentingan ekonomi untuk memajukan adalah cabaran dalam mendorong tanah menjadi terbiar. Antara halangan sikap pemilik termasuklah rasa tidak yakin pemilik tanah kepada penyewa, sikap penduduk setempat terhadap sistem penyewaan serta keengganan menyewakan tanah kepada pemilik luar.

### c) Keupayaan Agensi

Untuk membangunkan tanah terbiar, agensi pelaksana perlu mengawal selia dan memantau pelaksanaan projek bagi memastikan rancangan pembangunan tanah berjalan lancar. Usaha ini perlu diambil bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman tenaga kerja yang terlibat dengan projek yang akan dilaksanakan. Bangunan adalah satu langkah yang perlu dilakukan untuk mengelak kerosakan dan keusangan. Bangunan dan monumen bersejarah dapat memberi contoh dan pengajaran kepada masyarakat,

## 3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian juga satu proses kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dan analisis data mengikut peringkat kajian untuk mencapai semua objektif yang ditetapkan dalam kajian.

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Bagi kajian ini, kaedah kajian yang diguna pakai adalah kualitatif. Instrumen kajian bagi kualitatif ialah temubual dan berdasarkan data sekunder iaitu jurnal, laman web rasmi, buku rujukan dan kajian lepas. Kajian ini, kaedah kajian yang diguna pakai adalah kualitatif. Instrumen kajian bagi kualitatif ialah temubual dan berdasarkan data sekunder iaitu jurnal, laman web rasmi, buku rujukan dan kajian lepas.

#### 3.1.1 Kaedah Kualitatif

Menurut Chua (2006), kaedah kualitatif adalah kajian yang tidak dapat dijelaskan dengan data numerika, yang mana terdapat perkara-perkara tertentu yang memerlukan pemerhatian yang teliti terutamanya yang berunsur emosi, motivasi, dan empati (memahami orang lain) yang berkaitan dengan manusia, kumpulan tertentu atau keadaan semualajadi. Data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati.

### 3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data dan maklumat semasa menjalankan penyelidikan. Ia berperanan sebagai asas untuk memperoleh data yang diperlukan oleh penyelidik bagi mencapai objektif kajian. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini adalah data primer iaitu kaedah temu bual dan data sekunder iaitu internet dan buku.

#### 3.2.1 Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan teknik kajian yang membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat daripada sumber yang relevan dengan matlamat kajian. Bagi memberi keyakinan kepada informan untuk berkongsi maklumat dan dapat mengumpul maklumat secara bebas dan lengkap, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual. Pengkaji telah memilih responden atau informan secara rawak untuk melaksanakan pendekatan temu bual ini. Pengkaji juga menyediakan borang temu bual bagi memudahkan urusan temu bual. Kandungan borang tersebut adalah seperti tajuk, nama informan, tarikh dan masa temu bual, serta perkara yang hendak ditemu bual. Temu bual protokol ini adalah penting sebagai bahan sokongan dalam proses untuk menyediakan laporan kajian (Miles & Huberman, 1994).

Temu bual bermula dengan menerangkan tujuan kajian, seterusnya responden diajukan soalan mudah seperti demografi responden dan perkara yang berkaitan dengan pembangunan tanah terbiar. Temubual ini melibatkan tiga orang responden daripada agensi pelaksana yang terdiri daripada Jabatan Pertanian dan rakan strategik iaitu pihak TADC. Di dalam protokol temubual terdapat 3 bahagian iaitu bahagian satu berkaitan dengan demografi responden, bahagian dua berkaitan faktor yang mempengaruhi pembangunan tanah terbiar dapat meningkatkan hasil dan pendapatan negara serta bahagian ketiga berkaitan cabaran yang dihadapi oleh agensi pelaksana dalam membangunkan tanah terbiar.

## 3.3 Analisis Data dan Dapatan Kajian

### 3.3.1 Kaedah Analisis Kandungan

Analisis kandungan merujuk kepada teknik analisis data yang digunakan dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Bagi Creswell (2009), analisis kandungan dokumen adalah salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif. Teknik ini membantu penyelidik mengenal pasti data penting dari korpus data. Data boleh datang dalam bentuk yang berbeza. Ia boleh menjadi buku, gambar, patung, idea, kertas, tingkah laku, dan sebagainya. Tujuan penyelidik adalah untuk menganalisis kandungan setiap item data. Dalam kebanyakan analisis kandungan, penyelidik menggunakan sistem pengkodan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan

pelbagai item data. Kaedah analisis kandungan ini dapat membantu untuk memberikan maklumat dan gambaran secara menyeluruh terhadap kajian yang dijalankan. Data dan maklumat bagi kajian ini diperolehi dari sesi temubual bersama pihak yang dipilih. Melalui kaedah temu bual ini data yang diperolehi disusun dalam bentuk jadual untuk dianalisis.

### 3.3.2 Kaedah Rakaman


Setiap responden yang ditemu bual akan diminta untuk memberikan kebenaran untuk merakam perbualan ketika proses temu bual tersebut. Rakaman tersebut menggunakan aplikasi perakam di dalam telefon pintar. Tujuan rakaman tersebut adalah untuk memastikan rekod perbualan kekal dan memastikan tiada maklumat yang tercicir.

### 3.3.3 Kaedah Transkrip

Semua data dan maklumat yang diperolehi hasil daripada temu bual dianalisis kedalam bentuk Microsoft Word. Proses melakukan transkrip adalah dengan mengulang audio rakaman berulang kali bagi memastikan tidak ada data dan maklumat penting yang tidak dimasukkan ke dalam kajian. Justeru, kaedah menganalisis data dan maklumat adalah menggunakan transkrip yang mana hasil temubual dianalisis dalam bentuk penulisan dan analisis data dilakukan untuk kedua-dua objektif kajian

### 3.3.4 Proses Analisis Data

Matlamat analisis data adalah untuk menjadikan keputusan kajian dapat difahami sebaik mungkin. Untuk membolehkannya dirumus secara teratur, data dan maklumat yang dikumpul dianalisis dan dikumpul secara berkaedah. Dengan menggunakan perisian Microsoft Word, semua data dan maklumat yang diperolehi daripada proses temu bual dianalisis dan ditulis.



Rajah 1 Proses analisis data

## 4. Analisis dan Dapatan Kajian

### 4.1 Pengenalan

Hasil bab ini menghuraikan hasil analisis dan dapatan kajian terhadap pengurusan dan pembangunan tanah terbiar di Setiu, Terengganu. Hasil analisis dan dapatan kajian ini akan menentukan objektif kajian tersebut telah terjawab atau sebaliknya. Objektif utama yang dinyatakan pengkaji ialah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pembangunan tanah terbiar dalam meningkatkan hasil dan pendapatan negara, dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi agensi pelaksana dalam membangunkan tanah pertanian.

### 4.2 Hasil Pengumpulan Data Dari Temubual

#### 4.2.1 Objektif 1: Untuk Mengenalpasti Faktor yang Mempengaruhi Pembangunan Tanah Terbiar dalam Meningkatkan Hasil dan Pendapatan Negara


##### a) Pemilihan Sektor Pertanian dalam Membangunkan Tanah Terbiar

Tanah terbiar merujuk kepada tanah yang tidak proaktif atau tidak dimanfaatkan untuk kegiatan pertanian atau kegiatan lainnya. Tanah terbiar muncul akibat beberapa faktor atau cabaran dalam membangunkannya. Memulihkan tanah terbiar memerlukan keupayaan untuk mengembalikan kesuburan dan produktivitasnya. Sektor pertanian sering dipilih dalam upaya membangunkan tanah terbiar kerana pertanian dapat memberikan beberapa manfaat. Responden pertama berkata “Sektor pertanian dipilih kerana ianya memberi peluang besar

kepada pengusaha untuk memajukan kawasan dan mengeluarkan hasil seterusnya memperolehi pulangan pendapatan yang lumayan. Disamping itu, ianya dapat membantu membangunkan sektor pertanian negara dan menampung keperluan makanan serta mengurangkan import makanan yang tinggi” (Komunikasi peribadi November 14,2023). Penyataan diatas juga disokong oleh responden kedua dengan berkata “Sektor pertanian dipilih kerana ianya dapat memberi pulangan pendapatan dan juga dapat membantu membangunkan sektor pertanian negara sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap import” (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).

#### b) Jenis Pertanian


Pemilihan jenis pertanian bergantung kepada jenis tanah, sumber daya yang tersedia, kemudahan infrastruktur dan proses untuk mencapai hasil yang optimum. Jenis pertanian yang biasanya dilakukan adalah menanam pelbagai buah-buahan dan sayur-sayuran. Hal ini dapat mengurangkan kebergantungan terhadap bahan dari luar negara dan sekaligus dapat meningkatkan sektor ekonomi negara. Menurut responden pertama: “antara aktiviti pertanian yang dapat meningkatkan pendapatan negara adalah menanam pelbagai tanaman makanan utama yang menyumbang kepada SSR negara seperti tanaman buah-buahan seperti (durian, mangga, tembikai, kelapa), sayur seperti (cili, timun, terung) dan tanaman kontan (ubi keledak, labu)” (Komunikasi peribadi, November 14, 2023) (Rajah 2). Penyataan diatas juga disokong oleh responden kedua dengan berkata: “kalau aktiviti pertanian yang dapat meningkatkan pendapatan negara sememangnya tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran yang menyumbang kepada ssr negara... buah biasanya mangga, nenas, durian, tembikai, kelapa dan untuk sayur-sayuran pula seperti cili, terung dan ada juga tanaman ubi kayu, ubi keledak, labu dan lain lain” (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Menurut responden ketiga berkata “kalau mengikut dibawah pengurusan TADC ni terdapat dua tempat rancangan tanah terbiar iaitu di Kg Rahmat, dan di Pengkalan Aman Beris Tokku... kalau di pengkalan aman tanaman harum manis, kalau di Kg Rahmat tanaman musang king dan duri hitam... kalau buah mangga harum manis, rakan strategik (TADC) sudah memulakan aktiviti pertanian tetapi kalau yang buah durian baru sepuluh pokok” (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).



**Rajah 2** Plot dan tanaman durian

#### c) Jumlah Keseluruhan Jenis Tanaman

Melalui temubual bersama rakan strategik (TADC), mereka memberi gambaran yang positif mengenai aktiviti pertanian dalam membangunkan tanah terbiar. Menurut responden ketiga berkata “untuk mangga, keseluruhannya adalah 38 ekar... yang tanam adalah satu plot iaitu hanya plot 1a... dan kalau nampak dalam maps ini ada warna yang berbeza. kalau yang setuju hanya yang berwarna merah... Dalam 38 ekar ni hanya tanam satu plot sebab ramai lagi yang tidak setuju tanah mereka dibangunkan” (Komunikasi peribadi, November 14,2023) (Rajah 3).



**Rajah 3** Plot dan tanaman mangga harum manis

#### d) Peningkatan Sektor Ekonomi Negeri Terengganu

Aktiviti pertanian di tanah terbiar dapat meningkatkan sektor ekonomi negeri melalui beberapa cara. Pertama, ia mencipta peluang pekerjaan untuk komuniti setempat, memberi pendapatan kepada petani dan pekerja sektor pertanian. Kedua, meningkatkan hasil pertanian yang dapat menggalakkan perdagangan dan memperkuatkan rantai bekalan makanan, dan yang berpotensi meningkatkan pendapatan negara. Yang ketiga, pertanian yang berdaya maju dapat menjadi sumber bahan mentah bagi industri makanan dan pengeluaran lain yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan. Responden ketiga berkata *"kalau ikutkan memang kita mengusakan tanah terbiar untuk meningkatkan sektor ekonomi... dengan mengurangkan tanah terbiar bermakna lagi baik kerana dengan membangunkannya dapat meningkatkan pengeluaran makanan... kita nak mengurangkan tanah terbiar dalam negeri ini menjadi faktor utama kenapa perlu dibangunkan dengan mengusahkan beberapa tanaman ni... maknanya boleh meningkatkan sektor ekonomi Negeri Terengganu"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Hal ini juga dapat mengurangkan eksport dari luar negara dengan mengusahkan tanah terbiar ini. Responden pertama berkata *"dengan membangunkan kawasan-kawasan yang terbiar dengan tanaman makanan sudah tentu ianya akan mengurangkan eksport dari luar negara dengan peningkatan pengeluaran makanan dari dalam negara sendiri"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Responden kedua juga menyatakan *"kawasan-kawasan tanah terbiar yang dibangunkan sudah tentu dapat mengurangkan eksport dari luar negara kerana negara kita sendiri sudah punya peningkatan dalam pengeluaran makanan ... dengan adanya tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).

#### e) Program dan Aktiviti Pembangunan Tanah Terbiar

Untuk memajukan kawasan tanah terbiar menjadi kawasan aktiviti pertanian yang memberi hasil mestilah merancang dan mengatur strategi dalam membangunkannya. Menurut beberapa orang responden, setakat ini program ini melibatkan Jabatan Pertanian, Jabatan Daerah dan rakan strategik (TADC). Setiap jabatan bekerjasama dalam memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Untuk membangunkannya memerlukan kerjasama semua agensi pelaksana yang terlibat. Responden ketiga berkata *"Setakat ini, Syarikat TADC ni mengambil bahagian dalam menguruskan sahaja iaitu pelaksana program. Kalau ikutkan untuk memajukan tanah terbiar memerlukan kerjasama dengan adanya penglibatan Jabatan Pertanian dan jabatan daerah. Untuk mendapatkan nasihat biasanya daripada Jabatan Pertanian. Manakala untuk kemudahan infrastruktur daripada pejabat daerah. contohnya macam sistem pengairan dan lain-lain... TADC ni kalau ikutkan tugas memang melaksana... bila dah semua siap setup, barulah mula memasuki tapak untuk menanam. kalau untuk tanaman durian, sistem ini mengalami masalah iaitu masalah sistem pengairan kerana kawasan itu merupakan kawasan berbukit dan masalah ini belum dapat diatasi lagi. Jadi kalau macam supply air tiada lagi, macam mana nak mula menanam. Kalau mangga harum manis dah ada kolam... kolam yang dibuat, dikorek daripada kontraktor. Selepas itu, sistem pengairan dah settle jadi hanya masuk tanam. Kalau yang mangga ni dah siap tanam satu plot. satu plot ada 80 pokok dan akan datang nak buka plot lain... dalam proses"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Mengenai dana yang disalurkan bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti pembangunan tanah terbiar ini, Responden pertama berkata *"pihak jabatan telah menerima peruntukan dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk pembangunan infrastruktur, bahan input, jentera atau peralatan pertanian"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Responden kedua juga berkata *"peruntukan untuk pembangunan tanah terbiar ini diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menampung segala kos seperti kos infrastruktur, jentera atau peralatan pertanian dan lain-lain"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).

#### f) Anggaran Jumlah Kos dan Keuntungan bagi Setiap Jenis Pertanian

Kos pembangunan tanah pertanian termasuk kos pembebasan tanah, pengeluaran benih, baja, dan penjagaan tanaman. Keuntungan boleh melibatkan hasil tanaman untuk dijual, kesuburan tanah yang bertambah, serta sumbangan kepada keselamatan makanan dan alam sekitar. Pembebasan tanah mungkin melibatkan kos beli tanah, pemadaman tanah, dan persediaan tapak. Kos untuk benih dan baja akan bergantung pada jenis tanaman yang dipilih. Keuntungan jangka panjang termasuk pendapatan daripada hasil tanaman yang dijual, peningkatan nilai tanah, dan manfaat kesihatan masyarakat melalui akses kepada produk pertanian tempatan. Responden ketiga berkata "keuntungan tiada lagi kerana ikutkan baru lapan bulan tanam mangga... mula menanam bulan tiga... jadual di bawah menunjukkan semua kos. Kos per pokok... dalam RM45 ringgit... kos per plot... Satu plot tu dalam 1.5 ekar... satu plot tu lebih kurang RM22307.25. kalau lihat jadual kita ada top soil... tanah ni merupakan tanah bris, oleh itu tanah ni tidak memegang air... hal ini perlu melakukan aktiviti tambung tanah balik... itu yang menyebabkan peningkatan kos. Kalau bahan organik ni merupakan bahan wajib yang diperlukan" (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). "kalau nampak dari sekarang la, mangga lagi untung sebab dah boleh mula tanam. Kalau durian itu mungkin mengambil masa yang lama sebab sekarang pon mengambil masa nak mula menanam kerana ada masalah dengan air, dengan kawasan lagi" (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).

#### g) Harapan terhadap Projek Pembangunan

Harapan dalam pembangunan tanah terbiar melibatkan pelibatan agensi pelaksana untuk mengembangkan strategi yang efektif dalam memanfaatkan tanah tersebut. Dengan pemantauan dan pemetaan tanah secara teliti, serta penerapan teknologi pertanian yang inovatif, tanah terbiar dapat diubah menjadi kawasan yang produktif dan yang dapat memberikan hasil yang berdaya maju. Ini memerlukan kerjasama antara pihak kerajaan, TADC, dan pakar pertanian. Responden pertama berkata "*pihak jabatan berharap supaya tanah terbiar ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dan dibangunkan supaya ianya dijadikan tanah yang produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan*" (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Responden kedua juga berkata "*harapan supaya tanah ini dibangunkan menjadi tanah yang memberi manfaat kepada semua dan dijadikan tanah pertanian yang memberi hasil dalam meningkatkan pengeluaran tanaman makanan dan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi negara*" (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).

## 4.2 Objektif 2: Untuk Mengenalpasti Cabaran yang Dihadapi Agensi Pelaksana dalam Membangunkan Tanah Terbiar

### 4.2.1 Cabaran- cabaran

#### (i) Jenis Tanah

Daripada hasil temubual yang telah dijalankan, responden ketiga memberi pandangan yang negatif tentang jenis tanah bris yang dibangunkan untuk aktiviti pertanian. Menurut responden ketiga berkata: "*Kawasan ini adalah Kawasan tanah bris. Tanah ini perlu ditambung sebelum melakukan aktiviti pertanian mangga harum manis. Selain itu, tanah ini juga mempunyai masalah air dan asid ferum yang tinggi, jadi masa mula mula tanam ada isu pasal anak pokok itu mempunyai pucuk merah sedangkan kebiasaannya pucuk berwarna hijau kuning*". Selain itu, "*Kawasan di situ ada yang berpaya dan ada yang tanah rendah. Oleh itu, sebelum melakukan aktiviti menanam haruslah membuat pilihan yang mana kawasan yang sesuai dan boleh menanam. Hal ini juga disebabkan ada sesetengah kawasan banjir disekelilingnya... jadi kalau macam kawasan berpaya, tanah rendah kena tambunglah*" (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Selain itu juga, jenis tanah berbukit dengan masalah hakisan merupakan cabaran serius bagi aktiviti pertanian dimana hakisan boleh mengakibatkan kehilangan lapisan tanah subur dan unsur nutrient. Selain itu, tanah runtuh akan menyebabkan kerosakan tanaman dan infrastruktur pertanian dan menyusahkan aktiviti pertanian secara keseluruhan. Seterusnya, masalah pengaliran air yang sukar di kawasan bukit juga boleh menyebabkan kesukaran dalam menyediakan bekalan air yang konsisten untuk pertanian. Menurut responden ketiga berkata: "*Kalau di RTB Rahmat untuk penanam durian adalah satu kawasan berbukit. Kawasan berbukit ini biasanya mengalami masalah hakisan... dan lereng bukit biasanya musim hujan ini mengalami tanah runtuh. Kalau sekarang yang sedang dialami adalah masalah pengaliran kerana kawasan berbukit menyebabkan air nak supply ke atas susah... masalah pam yang tidak mencapai spesifikasi tidak berapa support menyebabkan terpaksa setting balik. Kalau tanah tu okey sebab tanah berbukit.*" (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).

## (ii) Tidak Dapat Persetujuan Pemilik Tanah

Bangunan Daripada hasil temubual yang telah dijalankan, responden R1 hingga R3 melalui cabaran dalam mendapatkan persetujuan daripada pemilik tanah bagi membangunkan Kawasan tersebut. Menurut responden pertama berkata: *"Tanah ... tanah milik persendirian banyak penama dan sukar mendapat persetujuan tuan tanah. Dan ada juga pemilik yang tidak berminat untuk mengusahakan tanah dalam bidang pertanian, di mana mereka lebih berminat untuk menjual atau membina bangunan. Ada juga pemilik atau waris tinggal di luar kawasan dan sukar untuk dihubungi"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Responden kedua pula berkata: *"Cabaran membangunkan salah satunya tanah milik persendirian ini banyak penama dan sukar dapat persetujuan dimana satu tanah itu ramai penama. Dan ada juga yang tidak berminat untuk usahakan tanah pertanian... lebih berminat untuk menjual tanah... tambahan pula tiada modal untuk mengusahakan pembangunan tanah. Ada juga pemilik yang tidak dapat dikesan sama ada tinggal di luar kawasan atau telah meninggal"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Pernyataan di atas juga disokong oleh responden ketiga dengan berkata: *"Disitu ada plot yang tidak setuju untuk tanam harum manis di lokasi pengkalan aman Kg Beris... untuk mendapatkan persetujuan memang susahlah"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).

### 4.2.2 Cabaran yang Sangat Mempengaruhi Aktiviti Pembangunan Tanah Terbiar

Cabaran yang paling mempengaruhi ialah tanah hak milik persendirian yang tidak mendapat persetujuan. Hak ini juga akan memberi kesan kepada agensi pelaksana dimana terpaksa mengambil masa yang lama untuk berunding bagi mendapatkan persetujuan pemilik tanah. Menurut daripada temubual pengkaji, mereka menyatakan bahawa hal ini paling mencabar kerana terpaksa berunding tanpa mengetahui hal ini akan mendapat kebenaran atau sebaliknya. Responden pertama berkata: *"Pihak jabatan dan pejabat tanah perlu mencari dan mengesan pemilik tanah yang sebenar. Hal ini bertambah sukar sekiranya pemilik tanah telah meninggal atau tidak menetap di lokasi tersebut. Pengesanan dan pencarian mungkin mengambil masa yang sangat lama dan belum pasti kebenaran untuk mengusahakan tanah tersebut diperolehi atau sebaliknya sekiranya Syarikat @ pihak ketiga berminat untuk mengusahakan tanah tersebut"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023). Responden kedua juga berkata: *"Pengesanan pemilik tanah akan mengambil masa yang lama kerana mungkin ada yang telah meninggal atau tidak lagi menetap di sekitar lokasi. Oleh yang demikian, kebenaran untuk mengusahakan tanah tersebut belum pasti diperolehi"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).

### 4.2.3 Cabaran yang Sudah di Atasi

Mengikut temubual bersama responden, R3 Setakat ini mengatakan ada beberapa cabaran yang sudah diatasi iaitu isu tanah dan air. Responden ketiga berkata: *"mengikut satu plot yang sudah ditanam kiranya ada cabaran yang boleh diatasi. kalau masalah air dan isu tanah semua tu boleh tambah dengan baja organic. macam boleh tambah dari segi luar la... macam rawat air... maksudnya kalau nak atasi tu boleh tapi akan ada dari segi masa, kos yang akan menambah la sikit"* (Komunikasi peribadi, November 14, 2023).

## 5. Kesimpulan dan Cadangan

Selaras dengan objektif kajian, pengkaji akan membincangkan mengenai dapatan kajian yang akan disertakan dengan beberapa cadangan. Pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan dan saranan yang relevan bagi memudahkan penyelidik pada masa akan datang merangka perancangan untuk melakukan kajian berkenaan dengan pembangunan tanah terbiar.

### 5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisan data ketiga-ketiga analisis objektif kajian yang diulas secara terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini.

#### 5.1.1 Objektif Pertama

Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pembangunan tanah terbiar dalam meningkatkan hasil dan pendapatan negara. Secara keseluruhannya, Sebenarnya pembangunan tanah terbiar merupakan satu idea yang menarik, yang mana tanah kosong dijadikan aktiviti pertanian yang dapat memberi hasil kepada pengusaha sekaligus dapat meningkatkan pengeluaran makanan. Dalam membangunkan tanah terbiar menjadi tanah pertanian yang memberi manfaat, perlulah mengenal pasti jenis pertanian yang sesuai untuk melakukan aktiviti penanaman. Pembangunan tanah terbiar merupakan satu tindakan yang dilakukan bertujuan untuk menyelamatkan tanah daripada terbiar kepada jenis pembangunan yang memberi manfaat kepada semua. Pembangunan tanah terbiar sepatutnya menjadi titik penting atau trend dalam mengurangkan tanah terbiar di

Negeri Terengganu sekaligus dapat meningkatkan sektor ekonomi. Pembangunan tanah terbiar menjadi tanah pertanian sebenarnya dapat memberi manfaat kepada semua samaada pengusaha atau Kerajaan. Hal ini kerana pembangunan tanah kepada tanah pertanian dapat memberi hasil dan pendapatan kepada negara kerana tidak perlu bergantung kepada bekalan eksport.

### 5.1.2 Objektif Kedua

Mengenalpasti cabaran yang dihadapi agensi pelaksana dalam membangunkan tanah terbiar. Jelas sekali, dalam memajukan tanah terbiar, agensi pelaksana telah menghadapi beberapa cabaran. Antara cabarannya ialah jenis tanah, kesukaran mendapat keizinan tuan tanah, sistem pengairan dan lain-lain. Melalui dapatan kajian, antara cabaran diatas, yang paling mempengaruhi adalah untuk mendapat keizinan pemilik. Pihak agensi pelaksana terpaksa mengambil masa yang lama untuk mengesan pemilik tanah yang sebenar. Pengesanan pemilik tanah akan mengambil masa kerana ada yang tidak dapat dihubungi dan berada di luar kawasan dan sukar untuk dikenalpasti. Ada juga pihak yang dapat dikenalpasti tetapi tidak bersetuju untuk mengusahakan kerana lebih berminat untuk menjual atau membuat pembinaan di atas tanah mereka. Walau bagaimanapun, ada beberapa cabaran sudah dapat diatasi seperti isu air, isu tanah bris yang dimana tanah sudah di tambung dan lain-lain. Cabaran tersebut sudah diatasi dengan merawat air, meletakkan baja organik dan lain lain dengan mengambil sedikit masa. Pihak agensi pelaksana saling berpaut antara satu sama lain bagi memastikan projek mereka berjalan. Namun masalah lain akan segera diatasi dengan mengambil masa yang mungkin lama dan kos.

## 5.2 Cadangan

Berdasarkan Bahagian ini, beberapa cadangan diketengahkan untuk memastikan kajian yang terbaik dapat dilakukan di masa hadapan dan kesedaran yang optimumkan terhadap tanah terbiar yang harus diuruskan dan dibangunkan di kawasan Setiu, Terengganu khususnya dapat perhatian umum terutama generasi kedua pemilik tanah. Antara cadangan yang diberikan berdasarkan kajian untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik dan bersesuaian adalah seperti berikut: kepada hasil dan dapatan kajian, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Antara cadangan yang diberi adalah seperti mempelbagaikan aktiviti pertanian bagi peningkatan pengeluaran tanaman makanan kepada pelbagai jenis tanaman yang lain. Misalnya, tanaman nenas, ubi kayu, dan lain-lain.

## 5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, pengkaji ingin mencadangkan dua kajian lanjutan yang berkenaan dengan kajian ini. Cadangan kajian lanjutan daripada kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengetahui insentif yang dilakukan agensi pelaksana dalam pembangunan tanah pertanian terbiar.
- (ii) Trend pembangunan tanah terbiar di sekitar Setiu Terengganu. engetahui kesan pemeliharaan bangunan rumah kedai di Jalan Besar, Kuantan.

## 5.4 Rumusan

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, pengkaji dapat merumuskan pembangunan tanah terbiar kepada tanah pertanian memberikan hasil kepada peningkatan pengeluaran makanan. Penerimaan, sokongan daripada rakan strategik (TADC) untuk mempelbagaikan aktiviti pertanian keatas tanah terbiar sememangnya perlu dilihat dari sudut positif walaupun pembangunan tanah terbiar ini mempunyai cabaran dalam mengusahakan. Seterusnya, cadangan yang dinyatakan diharapkan dapat dijadikan sebagai titik pertimbangan buat pengkaji akan datang untuk terus melakukan sesuatu bagi membangunkan tanah terbiar kepada aktiviti pertanian yang lebih memberi hasil dan meningkatkan sektor ekonomi sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada negara luar.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia di atas segala sokongan yang diberi.

## Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

## Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian**: Nur Nabila Mohd Sharif, Indera Syahrul Mat Radzuan; **pengumpulan data**: Nur Nabila Mohd Sharif; **analisis dan interpretasi hasil**: Nur Nabila Mohd Sharif; **penyediaan draf manuskrip**: Nur Nabila Mohd Sharif, Indera Syahrul Mat Radzuan. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

## Rujukan

- Chua, Y. P. (2006a). Kaedah Penyelidikan (Buku 1). Malaysia. Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Creswell, J.W. (2009). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (3rd ed.). Los Angeles: Sage Publications.
- Farhana Abdul Majid (2005). Pelaksanaan Pemulihan Tanah Pertanian Terbiar Di Luar Bandar, Kawasan Kajian: PB Pt. Sonto, Batu Pahat Johor. Dalam: Zarina Abdul Kadir (2016). Kaedah Pengurusan Tanah Terbiar di Bandar: Kajian Kes Daerah Pontian. Projek Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Greece, A. (2013). Konsep Pembangunan: Usaha untuk memenuhi keperluan asas dan aspirasi manusia. Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my/149/3/BAB2.pdf>
- Miles, M.B & Huberman, A. M (1994). An Expanded Sourcebook: Qualitative Data Analysis. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Wan Ibrism Fikry Wan Ismail (2019). Dasar Pertanian Negara: Perlaksanaan Pembangunan Tanah Padi, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zarina Abdul Kadir (2016). Kaedah Pengurusan Tanah Terbiar di Bandar: Kajian Kes Daerah Pontian. Projek Sarjana. Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia.